



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**

www.ijmoe.com



TAHAP PENGETAHUAN, PENGHAYATAN DAN IMPAK TERHADAP ADAB KESOPANAN DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA DI UPSI

LEVEL OF KNOWLEDGE, APPRECIATION AND IMPACT ON POLITENESS AMONG DIPLOMA STUDENTS AT UPSI

Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{1*}, Mohamad Basri Jamal², Muhamad Jasri Ishak³, Mohd Syariefudin Abdullah⁴, Mazdi Marzuki⁵

¹ Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

² Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

³ Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karektor, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Email: jasri.ishak@fsk.upsi.edu.my

⁴ Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Email: syariefudin@fsk.upsi.edu.my

⁵ Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.04.2023

Revised date: 15.05.2023

Accepted date: 20.06.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Nor, N. M. M., Jamal, M. B., Ishak, M. J., Andullah, M. S., & Marzuki, M. (2023). Tahap Pengetahuan, Penghayatan Dan Impak Terhadap Adab Kesopanan Dalam Kalangan Pelajar Diploma Di UPSI.

Abstrak:

Berdasarkan kajian mengenai tahap pengetahuan, penghayatan dan impak adab kesopanan yang telah dijalankan ke atas pelajar peringkat Diploma Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu pelajar semester 2 seramai 418 orang. Melibatkan semua kursus iaitu Diploma Matematik & Sains Aktuari, Diploma Sains Kesihatan Sekutu, Diploma Pembelajaran Awal Kanak-Kanak, Diploma Sains Gunaan & Diploma Seni Persembahan yang mengambil kursus universiti iaitu Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi tahap pengetahuan adab kesopanan dari min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 2.96, tahap penghayatan adab kesopanan min keseluruhan juga sederhana iaitu 2.97 dan impak adab kesopanan juga sederhana iaitu 2.95. Keseluruhan berada pada kedudukan yang sederhana, keadaan ini perlu diberi oleh semua pihak, kerana kedudukan ini mungkin jatuh pada kedudukan rendah seterusnya boleh memberikan kesan yang buruk kepada kelakuan dan sahsiah pelajar yang bakal menjadi pemimpin negara kelak. Tumpuan kajian juga menjelaskan, majoriti pelajar iaitu 56.2% berasal dari bandar. Keadaan jelas menunjukkan yang masyarakat bandar tidak menitik

International Journal of Modern Education, 5 (17), 440-454.

DOI: 10.35631/IJMOE.517034

This work is licensed under CC BY 4.0



berat dalam soal adab kesopanan yang perlu kita jaga atau ikuti sebagai masyarakat yang terpelajar, walaupun kita berfikiran dan hidup dengan cara moden. Keadaan ini perlu dipertingkatkan ke arah yang lebih tinggi dalam memastikan kualiti pelajar diploma UPSI mempunyai yang tinggi dari segi akademik dan kualiti peribadi.

Kata Kunci:

Adab Kesopanan, Pengetahuan, Penghayatan Dan Impak

Absract:

Based on the study of the level of knowledge, improvement and the impact of polite manners that has been carried out on students at the Diploma level of Sultan Idris University of Education (UPSI), there are 418 students in the second semester. Includes all courses such as the Diploma of Mathematics & Actuary Science, Diploma Allied Health Sciences, Early Childhood Learning Diploma, Applied Science Diploma & Diploma Performance Arts which takes courses from universities such as Society and Culture Malaysia. Based on the findings of the study obtained, the level of knowledge of the general level of consciousness is at a medium level of 2.96 min scores, the overall level of subsistence is medium of 2.97 mins and the average level of impact is 2.95 mins. The overall being in a moderate position, this condition should be given by all parties, as this position may fall to the next low position can have a negative impact on the behavior and validity of students who will become future leaders of the country. The focus of the study also explains that the majority of students are 56.2 percent from the city. The situation clearly shows that the urban community is not a heavy point in the question of consciousness that we need to care for or follow as a learned society, even if we think and live in a modern way. This situation needs to be upgraded to a higher direction in ensuring the quality of UPSI diploma students have a high academic and personal background.

Keywords:

Polite Manner, Knowledge, Appreciation And Impact

Pengenalan

Bila kita bercakap atau berbicara mengenai adab kesopanan dalam budaya masyarakat Malaysia, menggambarkan masyarakat yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi keramahan, kehalusan budi pekerti, dengan akhlak dan perilaku yang terpuji. Dalam konteks ini merujuk kepada komunikasi yang sringkali digunakan dalam pergaulan yang terjadi antara manusia, antara masyarakat, dan antara kaum juga dalam sesuatu organisasi. Kajian yang dilakukan ini melibatkan pelajar peringkat pengajian Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim dan melibatkan pelajar yang menjalani pengajian sepenuh masa. Kajian ini melihat adab kesopanan ini penting dalam melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi dan seterusnya menjadi pemimpin masa akan datang. Seterusnya membentuk personaliti yang cemerlang yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar universiti yang bakal menjadi modal insan negara. Kegagalan melahirkan individu yang berpersonaliti cemerlang yang akan mengambil alih kepimpinan boleh menghancurkan negara dalam masa yang singkat.

Banyak contoh negara-negara yang hancur disebabkan pemimpin yang tidak mengamalkan adab kesopanan seterusnya dengan mudah untuk terjerumus dengan perkara yang tidak berintegriti seperti mengambil rasuah, pecah amanah, curang dan sebagainya (Noraeyn & Ilhaamie, 2021). Tannis & Bricvkey, (1991) seterusnya melihat kepentingan adab kesopanan dalam setiap masyarakat melibatkan semua aspek dalam kehidupan yang melibatkan keperibadian yang baik, telus, jujur, sabar, berilmu, tekun dan bertanggungjawab merupakan tindakan yang perlu ada dalam setiap masyarakat yang matang, maju dan berhemah demi kepentingan bersama.

Namun isu masalah sosial dan sesterusnya mempengaruhi adab kesopanan di kalangan golongan muda, terutama pelajar universiti semakin membimbangkan. Seperti masalah keruntuhan akhlak, serta tidak menghayati nilai-nilai moral telah memberi kesan yang begitu buruk kepada penghayatan adab kesopanan dan memberikan kesan yang besar kepada kemajuan dan pencapaian negara (Sharif & Norazmah, 2011). Melalui kajian ini, pengkaji ingin melihat tahap pengetahuan, penghayatan dan impak adab kesopanan di kalangan pelajar Diploma di UPSI, untuk melihat kedudukannya dikalangan pelajar dan tindakan yang perlu diambil oleh pihak universiti dalam memastikan adab kesopanan ini berada pada tahap yang tinggi atau baik, bagi memastikan graduan UPSI mampu menjadi pemimpin yang terbaik untuk keluarga dan masyarakat. Dalam konteks ini, pendidikan memainkan peranan penting bagi mendidik pelajar-pelajar membudayakan adab kesopanan ini dalam memastikan masyarakat Malaysia, masyarakat yang begitu menghormati antara satu sama lain dan dapat bertörenasi dengan kepelbagaian yang ada dalam melahirkan insan yang dinamik dalam semua aspek kehidupan.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti yang berikut, iaitu:

- a. Apakah tahap pengetahuan tentang adab kesopanan pelajar?
- b. Apakah tahap penghayatan tentang adab kesopanan pelajar?
- c. Apakah impak penghayatan adab kesopanan kepada pelajar?

Tinjauan Literatur

Abad kesopanan merupakan perkara yang akan kita bawa ke mana sahaja kita pergi dan menggambarkan siapa kita dan kemampuan kita dalam setiap bidang yang kita akan lakukan. Penghayatan adab kesopanan ini seterusnya membawa kepada kualiti murid yang mampu mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah, seterusnya membawa kepada kualiti dalam kehidupan seseorang yang mengamalkannya (Norharah & Faridah, 2021). Gejala social kini makin parah yang wujud hasil dari perlakuan dan perbuatan negatif hasil dari luar dari kotak pemikiran normal atau adab kesopanan yang menjadi panduan atau pegangan terutamanya golongan remaja yang masih perlu diberikan bimbingan dan bantuan hala tuju mereka sebagai pedoman diri dalam memastikan setiap perkara itu baik dan buruk (Normadiana, Norizah, Mohammad Mokhtar, & Mohd Mawardi, 2021). Penghayatan adab dalam diri pelajar sangat perlu dititikberatkan sebagaimana digambarkan bahawa ilmuwan terdahulu memperuntukkan masa mempelajari adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu (Huda, 2021).

Kaedah pengajian kini yang dilihat lebih kepada kendiri seperti pengajian atas talian dan bahan kursus yang dimuat naik dalam *You tube* dan sebagainya menyebabkan kurangnya ada interaksi dengan pensyarah juga mempengaruhi kefahaman mengenai adab kesopanan yang mereka perlua faham dan amalkan. Menurut Hasnizam Hashim (2020), kegagalan menerapkan kefahaman adab yang baik semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta mempraktikkannya akan mengundang suasana yang tidak harmoni sekaligus mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini penting untuk dilakukan agar amalan kesantunan dapat diterapkan dalam diri pelajar sebagai seorang mahasiswa yang bukan sahaja kaya dengan ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing tetapi juga kaya dengan budi bahasa dalam diri mereka (Nor Fadilah Dawi & Asiah Abas, 2020).

Seterusnya data yang keluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) 2019, perkara salah laku yang dilakukan oleh pelajar berkaitan iaitu, tidak hormat guru dan berbahasa kesat adalah kesalahan yang paling banyak berlaku di sekolah yang membabitkan 23,220 kes pada tahun 2016 dan 19,980 kes pada tahun 2017. Untuk menyokong data ini satu kajian yang dilakukan oleh Jamilah et.al, (2018), menunjukkan, generasi muda yang mengamalkan nilai adab kesopanan adalah rendah peratusnya iaitu tidak melebihi 20 peratus (%) dalam tempoh 3 tahun kempen budi bahasa budaya kita dilaksanakan dengan aliran menurun 20 peratus (2016) hingga 18 peratus. Keadaan ini semakin jelas menunjukkan kepentingan adab kesopanan ini, tidak diambil berat seterusnya membawa kesan yang buruk sehingga pelajar ini menyambung pengajian mereka ke peringkat universiti. Kemerosotan penggunaan bahasa yang berlaku dewasa ini dalam kalangan generasi muda terutama dalam kalangan remaja membimbangkan pelbagai pihak (Ariffin, 2019). Azwani Masuwai (2018), juga menjelaskan untuk membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik seseorang perlu menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik tentang nilai

Masyarakat kini mengalami kemerosotan adab kesopanan yang teruk kerana berkait rapat dengan penjajahan pemikiran dengan budaya barat yang tidak sesuai dengan cara hidup budaya kita, secara berterusan terhadap seluruh warga dunia melalui wahana globalisasi dan imperialisme budaya (Empong, 2002). Budaya ini berkembang dengan menghapuskan adab kesopanan kita kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran juga dilihat mirip kepada budaya dan cara pemikiran barat yang dilihat meminggirkan aspek agama dan kehidupan lain. Keadaan ini seterusnya menyebabkan berlaku keruntuhan dari kejiwaan dan nilai yang amat ketara dalam masyarakat Malaysia (Bakar, 1997).

Metodologi

Kajian dijalankan secara kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik melalui Google Form yang telah diedarkan kepada pelajar Diploma Semester 2, 2022/2023 yang mengambil kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia pada semester tersebut.

Material

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden kerana ia boleh melibatkan ramai responden yang akan menjawab agar hasil yang didapati terkumpul daripada pandangan ramai pelajar. Oleh itu, soal selidik akan bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang dipilih.

Sampel

Sampel kajian ini ialah sebanyak 418 orang pelajar diploma daripada pelbagai fakulti atau kesemua pelajar yang mendaftar untuk kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia bagi semester 2.

Prosedur

Satu set soal selidik direka bentuk bersesuaian dengan tahap pelajar yang dibahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang demografi pelajar analisis berdasarkan jumlah peratus sampel sahaja. Bahagian B, C dan D terdiri daripada soalan tertutup yang menggunakan skala Likert tiga mata bagi menjawab setiap dalam soal selidik ini, iaitu (1) tidak setuju, (2) tidak pasti dan (3) setuju. Bahagian B merupakan domain Tahap Pengetahuan Tentang Adab Kesopanan di mana bahagian ini terdapat 11 item soalan dikemukakan, Bahagian C, Tahap Penghayatan Tentang Adab Kesopanan, terdapat 14 item soalan yang dikemukakan dan Bahagian D, Impak Penghayatan Adab Kesopanan, terdapat 10 item soalan dikemukakan.

Pengukuran

Pengumpulan data berdasarkan skor purata min diinterpretasikan berdasarkan 5 tahap. Petunjuk skor indeks purata min terdiri daripada lima tahap skor iaitu pada tahap sangat rendah skor min (1.00-1.80), skor min pada tahap rendah (1.81-2.60), skor min sederhana (2.61-3.20), skor min tinggi (3.21-4.20) dan skor min pada tahap sangat tinggi adalah (4.21-5.00). Hasil dapatkan untuk bahagian ini ditunjukkan dalam jadual berikut

Jadual 1: Menunjukkan Interpretasi Skor Min Analisis Deskriptif

Skor Min	Tahap
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.20	Sederhana
3.21 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat tinggi

Analisis Data

Semua data dikumpulkan selepas pengagihan soal selidik kepada responden. Data akan dianalisis dengan menggunakan perisian program *Statistical Package for The Social Science (SPSS) 22.0 for Window (Version 22.0)*. Analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif iaitu menggunakan kekerapan, peratus dan skor purata min. kemudian skor purata min diinterpretasi berdasarkan 5 tahap. Petunjuk skor indeks purata min terdiri daripada lima tahap skor iaitu pada tahap sangat rendah skor min (1.00-1.80), skor min pada tahap rendah (1.81-2.60), skor min sederhana (2.61-3.20), skor min tinggi (3.21-4.20) dan skor min pada tahap sangat tinggi adalah (4.21-5.00). Analisis dibuat dengan mengambil kira bilangan, peratus atau hasil pelaksanaan pergiraan berdasarkan formula statistik.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi kaedah iaitu data borang soal- selidik dan kajian internet bagi pengumpulan data kajian agar data tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan muka berkaitan kaedah instrumen. Kesahan kandungan adalah sejauhmana instrumen dapat diukur. Ujian Cronbach Alpa dijalankan untuk

menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Kesahan muka berkaitan kaedah instrumen. Kesahan kandungan adalah sejauhmana instrumen dapat diukur. Ujian Cronbach Alpa dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen yang dibina.

Dapatkan Dan Perbincangan

Bahagian A: Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratus pelajar mengikut jantina. Seramai 137 orang (32.8%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki manakala seramai 281 orang (67.2%) ialah pelajar perempuan. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki untuk menjawab kajian ini.

Jadual 2 Menunjukkan Analisis Data Pelajar Mengikut Jantina.

Jantina	Kekerapan (n =418)	Peratus (%)
Lelaki	137	32.8
Perempuan	281	67.2
Jumlah	418	100

Berdasarkan jadual 3 umur, didapati seramai 341 orang (81.6%) ialah pelajar berumur bawah 19 tahun, seramai 77 orang (18.4%) ialah pelajar berumur 20 tahun hingga 25 tahun dan tiada seorang pun pelajar 26 tahun ke atas menjawab kajian ini. Ini menunjukkan pelajar diploma berumur bawah 19 tahun lebih ramai menjawab borang soal selidik ini.

Jadual 3 Menunjukkan Analisis Data Pelajar Mengikut Umur.

Umur	Kekerapan (n=418)	Peratusan (%)
Bawah 19 tahun	341	81.6
20 tahun – 25 tahun	77	18.4
26 tahun ke atas	0	0
Jumlah	418	100

Jadual 4 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus pelajar mengikut bangsa. Seramai 306 orang (73.2%) adalah terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu, seramai 17 orang (4.1%) ialah pelajar berbangsa Cina, seramai 35 orang pelajar (8.4) ialah pelajar berbangsa India dan seramai 60 orang (14.4) ialah pelajar berbangsa lain-lain. Ini menunjukkan kajian ini mempunyai pelajar bangsa Melayu lebih ramai menjawab borang soal selidik.

Jadual 4, Menunjukkan Analisis Data Pelajar Mengikut Bangsa.

Bangsa	Kekerapan (n=418)	Peratus (%)
Melayu	306	73.2
Cina	17	4.1
India	35	8.4
Lain-lain	60	14.4
Jumlah	418	100

Jadual 5 menunjukkan kekerapan dan peratus pelajar mengikut tempat tinggal. Seramai 122 orang (29.2%) pelajar tinggal di kawasan luar bandar, seramai 135 orang (56.2%) pelajar

tinggal di kawasan bandar, manakala pelajar yang tinggal di kawasan sub-bandar adalah seramai 61 orang (14.6). Ini menunjukkan pelajar tinggal di kawasan bandar lebih ramai berbanding dengan pelajar yang tinggal di luar bandar dan sub-bandar.

Jadual 5 Menunjukkan Analisis Data Pelajar Mengikut Tempat Tinggal.

Tempat Tinggal	Kekerapan (n=418)	Peratus (%)
Luar Bandar	122	29.2
Bandar	135	56.2
Sub-bandar	61	14.6
Jumlah	418	100

Jadual 6 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus pelajar mengikut jumlah adik-beradik. Seramai 15 orang (3.6%) pelajar mempunyai 1 orang adik-beradik, seramai 76 orang (18.2%) pelajar mempunyai 2 orang adik-beradik, seramai 104 orang (24.9%) pelajar mempunyai 3 orang adik-beradik, seramai 102 orang (24.4%) pelajar mempunyai 4 orang adik-beradik, seramai 66 orang (15.8%) pelajar mempunyai 5 orang adik-beradik, manakala seramai 55 orang (13.2%) pelajar mempunyai 6 orang ke atas adik-beradik. Ini menunjukkan pelajar memiliki adik-beradik seramai 3 orang lebih banyak menjawab borang soal selidik ini.

Jadual 6 Menunjukkan Analisis Data Pelajar Mengikut Jumlah Adik-Beradik.

Jumlah adik-beradik	Kekerapan (n=418)	Peratus (%)
1	15	3.6
2	76	18.2
3	104	24.9
4	102	24.4
5	66	15.8
6 orang ke atas	55	13.2
Jumlah	418	100

Bahagian B: Apakah Tahap Pengetahuan Tentang Adab Kesopanan Pelajar?

Berdasarkan jadual di bawah, skor purata min keseluruhan bagi tahap pengetahuan tentang adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma adalah 2.96 berada pada tahap sederhana. Satu keadaan yang perlu diberi perhatian yang khusus, jika tidak keadaan ini boleh merosot ke tahap yang lebih rendah lagi. Oleh itu pihak pengurusan UPSI, terutamanya bahagian Hal Ehwal Pelajar, perlu merangka plan khusus untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan tentang adab kesopanan pelajar. Dengan menjalani kursus berkaitan budaya kesopanan yang perlu ada pada pelajar atau mendedahkan mereka dengan kursus-kursus luar seperti Kursus Kecemerlangan Belia Luar Bandar, di bawah Institut Kemajuan Desa (INFRA) yang boleh melatih pelajar mengenai adab kesopanan ini dalam membentuk jati diri mereka.

Jadual 7: Tahap Pengetahuan Tentang Adab Kesopanan

Item	Kekerapan Skala dan Peratus (%)			Min
	1	2	3	
1. Memberi salam atau kata hormat.	2 (0.5)	2 (0.5)	414 (99.0)	2.99
2. Bercakap menggunakan bahasa yang lembut & baik.	1 (0.2)	9 (0.2)	408 (97.6)	2.97
3. Memberi laluan kepada orang yang lebih memerlukan.	1 (0.2)	3 (0.7)	414 (99.0)	2.99
4. Mengucapkan terima kasih.	1 (0.2)	1 (0.2)	416 (99.5)	2.99
5. Menggunakan bahasa yang sopan.	1 (0.2)	4 (1.4)	413 (98.8)	2.99
6. Menawarkan diri untuk membantu orang yang memerlukan	1 (0.2)	22 (5.3)	395 (94.5)	2.94
7. Menegur kenalan apabila berjumpa di luar waktu kuliah/ di luar kampus.	2 (0.5)	56 (13.4)	360 (86.1)	2.86
8. Memberikan senyuman/melambai tanda hormat.	2 (0.5)	19 (4.5)	397 (95.0)	2.95
9. Menghormati perbezaan pandangan dengan rakan-rakan.	1 (0.2)	24 (5.7)	393 (94.0)	2.94
10. Menghargai usaha rakan.	1 (0.2)	6 (1.4)	411 (98.3)	2.98
11. Tidak menyakiti hati seseiapa sahaja dengan bahasa kasar.	4 (1.0)	26 (6.2)	388 (92.8)	2.92
Jumlah Purata Min				2.96

Hasil analisis keseluruhan majoriti skor likert bagi soalan tertutup, pelajar majoriti memberikan jawapan bersetuju dengan pengetahuan adab kesopanan ini, di mana sebanyak 414 orang pelajar diploma (99.0%) memilih skala setuju dan sebanyak 2 orang pelajar diploma (0.5%) memilih skala tidak setuju dan tidak pasti terhadap item 1 dengan skor min 2.99. Bagi item 2, sebanyak 408 orang pelajar (97.6%) memilih skala setuju, sebanyak 9 orang pelajar memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.97. Bagi item 3, sebanyak 414 orang pelajar (99.0%) memilih skala setuju, sebanyak 3 orang pelajar (0.7%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.99. Bagi item 4, sebanyak 416 orang pelajar (99.5%) memilih skala setuju manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dan skala tidak pasti dengan skor min 2.99. Bagi item 5, sebanyak 413 orang pelajar (98.8%) memilih skala setuju, sebanyak 4 orang pelajar (1.4%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.99. Bagi item 6, sebanyak 395 orang pelajar (94.5%) memilih skala setuju, sebanyak 22 orang pelajar (5.3%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.94. Bagi item 7, sebanyak 360 orang pelajar (86.1%) memilih skala setuju, sebanyak 56 orang pelajar (13.4%) memilih skala tidak pasti manakala

sebanyak 2 orang pelajar (0.5%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.86. Bagi item 8, sebanyak 397 orang pelajar (95.0%) memilih skala setuju, sebanyak 19 orang pelajar (4.5%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 2 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.95. Bagi item 9, sebanyak 393 orang pelajar (94.0%) memilih skala setuju, sebanyak 24 orang pelajar (5.7%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.94. Bagi item 10, sebanyak 411 orang pelajar (98.3%) memilih skala setuju, sebanyak 6 orang pelajar (1.4%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang (0.2%) orang pelajar memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.98. Bagi item 11 sebanyak 388 orang pelajar (92.8%) memilih skala setuju, sebanyak 26 orang pelajar (6.2%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 4 orang pelajar (1.0%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.92.

Secara keseluruhan bagi peratusan majoriti pelajar memberikan jawapan bersetuju dengan tahap pengetahuan tentang adab kesopanan perlu di pertingkatkan lagi di mana peratusan yang paling rendah adalah item ke 11 dengan (92.8%) bersetuju yang tahap pengetahuan mengenai adab kesopanan perlu ada dan dipertingkatkan di kalangan semua pelajar.

Bahagian C: Tahap Penghayatan Tentang Adab Kesopanan Pelajar

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian objektif kedua bagi tahap penghayatan tentang adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma. Terdapat terdapat 14 item dalam bahagian ini. skor min keseluruhan tahap penghayatan tentang adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma adalah sebanyak 2.97 berada pada tahap sederhana. Dengan skor min yang paling rendah sekali ialah 2.95, bagi soalan nombor empat, iaitu “Tingkah laku budi bahasa lemah lembut”. Keadaan ini juga perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan UPSI, supaya skor min ini tidak jatuh ke paras rendah, kerana pengaruh dari pengetahuan mengenai adab kesopanan ini memberi kesan kepada penghayatan mereka terhadap adab kesopanan. Keadaan ini perlu dipertingkatkan kepada keadaan yang lebih tinggi skor minnya.

Jadual 8: Tahap Penghayatan Tentang Adab Kesopanan

Item	Kekerapan Skala dan Peratus (%)			Min
	1	2	3	
1. Percakapan yang baik, elok dan berhemah.	1 (0.2)	13 (3.1)	404 (96.7)	2.96
2. Memberi salam, senyuman serta mengucapkan terima kasih.	1 (0.2)	7 (1.7)	410 (98.1)	2.98
3. Bersikap ramah, santun dan bertegur sesorang apabila bertemu.	1 (0.2)	11 (2.6)	406 (97.1)	2.97
4. Tingkah laku budi bahasa lemah lembut.	1 (0.2)	19 (4.5)	398 (95.2)	2.95
5. Senyum, salam, sapa.	1 (0.2)	11 (2.6)	406 (97.1)	2.97
6. Nilai murni yang penting untuk diamalkan.	1 (0.2)	7 (1.7)	410 (98.1)	2.98
7. Berbudi bahasa dalam pergaulan.	1 (0.2)	11 (2.6)	406 (97.1)	2.97
8. Sikap menghormati hak orang lain.	2 (0.5)	6 (1.4)	410 (98.1)	2.98

9. Sikap bertimbang rasa terhadap orang lain.	1 (0.2)	14 (3.3)	403 (96.4)	2.96
10. Perbuatan membantu rakan apabila diperlukan.	2 (0.5)	11 (2.6)	405 (96.9)	2.96
11. Menghargai pertolongan orang lain.	1 (0.2)	4 (1.0)	413 (98.8)	2.99
12. Mendengar teguran dan mematuhi nasihat guru.	3 (0.7)	0	415 (99.3)	2.99
13. Menghormati adat resam orang lain.	1 (0.2)	4 (1.0)	413 (98.8)	2.99
14. Tingkah laku hormat-menghormati.	1 (0.2)	2 (0.5)	415 (99.3)	2.99

Jumlah Purata Min

2.97

Hasil analisis keseluruhan skor likert bagi soalan tertutup, pelajar majoriti memberikan jawapan bersetuju tentang penghayatan adab kesopanan, di mana 404 orang pelajar diploma (96.7%) memilih skala setuju, sebanyak 13 orang pelajar (3.1%) manakala sebanyak 1 orang pelajar (7.7%) bagi item 1. Bagi item 2, sebanyak 410 orang pelajar (98.1%) memilih skala setuju, sebanyak 7 orang pelajar (1.7%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.98. Bagi item 3, sebanyak 406 orang pelajar (97.1%) memilih skala setuju, sebanyak 11 orang pelajar (2.6%) memilih skala tidak pasti dan sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.97. Bagi item 4, sebanyak 398 orang pelajar (95.2%) memilih skala setuju, sebanyak 19 orang pelajar (4.5%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.95. Bagi item 5, sebanyak 406 orang pelajar (97.1%) memilih skala setuju, sebanyak 11 orang pelajar (2.6%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.97. Bagi item 6, sebanyak 410 orang pelajar (98.1%) memilih skala setuju, sebanyak 7 orang pelajar (1.7%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.98. Bagi item 7, sebanyak 406 orang pelajar (97.1%) memilih skala setuju, sebanyak 11 orang pelajar (2.6%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.97. Bagi item 8, sebanyak 410 orang pelajar (98.1%) memilih skala setuju, sebanyak 6 orang pelajar (1.4%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 2 orang pelajar (0.5%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.98. Bagi item 9, sebanyak 403 orang pelajar (96.4%) memilih skala setuju, sebanyak 14 orang pelajar (3.3%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.96. Bagi item 10, sebanyak 405 orang pelajar (96.9%) memilih skala setuju, sebanyak 11 orang pelajar (2.6%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 2 orang pelajar (0.5%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.96. Bagi item 11, sebanyak 413 orang pelajar (98.8%) memilih skala setuju, sebanyak 4 orang pelajar (1.0%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99. Bagi item 12, sebanyak 415 orang pelajar (99.3%) memilih skala setuju dan sebanyak 3 orang pelajar (0.7%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99. Bagi item 13, sebanyak 413 orang pelajar (98.8%) memilih skala setuju, sebanyak 4 orang pelajar (1.0%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99. Akhir sekali, bagi item 14 pun terdapat sebanyak 415 orang pelajar (99.3%)

memilih skala setuju, sebanyak 2 orang pelajar (0.5%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99.

Keseluruhannya dari segi skor soalan tertutup menjelaskan keadaan pelajar bersetuju adalah tinggi, tahap penghayatan tentang adab kesopanan di kalangan mereka wujud atau dilakukan sesuai dalam konteks kehidupan mereka sebagai pelajar, tetapi keadaan ini tidak sepenuhnya dilakukan dalam semua kegiatan harian mereka di universiti.

Bahagian D: Impak Penghayatan Adab Kesopanan Pelajar

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian objektif terakhir, iaitu ketiga bagi impak penghayatan tentang adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma. Terdapat terdapat 10 item dalam bahagian ini. Berdasarkan jadual di bawah, skor min keseluruhan bagi impak penghayatan adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma adalah sebanyak 2.95 berada pada tahap sederhana, dengan jumlah skor yang terendah sekali ialah 2.87 iaiti bagi soalan nombor satu, "Sentiasa bersangka baik kepada orang lain". Dalam keadaan ini, kesan kepada penghayatan adab kesopanan ini selari dengan tahap pengetahuan tentang adab kesopanan pelajar dan tahap penghayatan adab kesopanan kepada pelajar yang keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Jadi untuk memastikan adab kesopanan ini tinggi, perlu ada satu mekanisme yang perlu dirangka supaya adab kesopanan ini tinggi dan menjadi perkara asas yang penting dalam melahirkan pelajar yang berkualiti.

Jadual 9: Impak Penghayatan Adab Kesopanan

Item	Kekerapan Skala dan Peratus (%)			Min
	1	2	3	
1. Sentiasa bersangka baik kepada orang lain.	2 (0.5)	50 (12.0)	366 (87.6)	2.87
2. Memberi bantuan kepada kawan-kawan ketika di dalam kesusahan.	1 (0.2)	14 (3.3)	403 (96.4)	2.96
3. Sentiasa mengajak kawan-kawan untuk melakukan kebaikan.	1 (0.2)	18 (4.3)	399 (95.5)	2.95
4. Sentiasa hormat pada ibubapa / pensyarah / kawan-kawan.	2 (0.5)	3 (0.7)	413 (98.8)	2.98
5. Sentiasa berusaha untuk taat dan patuh kepada segala peraturan yang telah ditetapkan.	1 (0.2)	24 (5.7)	393 (94.0)	2.94
6. Sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk menghindarkan diri dari sifat / perkara yang tidak baik.	1 (0.2)	10 (2.4)	407 (92.3)	2.97
7. Sentiasa mengambil berat dan tidak mementingkan diri sendiri.	3 (0.7)	20 (4.8)	395 (94.5)	2.94
8. Meminta izin untuk keluar kelas.	1 (0.2)	32 (7.7)	385 (92.1)	2.92
9. Sentiasa ucap terima kasih kepada sesiapa yang menolong saya.	1 (0.2)	1 (0.2)	416 (99.5)	2.99
10. Memohon maaf apabila melakukan kesalahan.	1 (0.2)	4 (1.0)	413 (98.8)	2.99
Jumlah Purata Min				2.95

Hasil analisis keseluruhan skor likert bagi soalan tertutup, bagi impak penghayatan adab kesopanan dalam kalangan pelajar diploma. Mendapat sebanyak 366 orang pelajar diploma (87.6%) memilih skala setuju, sebanyak 50 orang pelajar diploma (12.0%) memilih skala tidak pasti manakala sebanyak 2 orang (0.5%) memilih skala tidak setuju bagi item 1 dengan nilai skor min 2.87. Bagi item 2, sebanyak 403 orang pelajar diploma (96.4%) memilih skala setuju, sebanyak 14 orang pelajar diploma (3.3%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar diploma (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.96. Bagi item 3, sebanyak 399 orang pelajar diploma (95.5%) memilih skala setuju, sebanyak 18 orang pelajar diploma (4.3%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan skor min 2.95. Bagi item 4, sebanyak 413 orang pelajar (98.8%) memilih skala setuju dan sebanyak 3 orang pelajar (0.7%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 2 orang pelajar (0.5%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.98. Bagi item 5, sebanyak 393 orang pelajar (94.0%) memilih skala setuju dan sebanyak 24 orang pelajar (5.7%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.94. Bagi item 6, sebanyak 407 orang pelajar (92.3%) memilih skala setuju dan sebanyak 10 orang pelajar (2.4%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.97. Bagi item 7, sebanyak 395 orang pelajar (94.5%) memilih skala setuju dan sebanyak 20 orang pelajar (4.8%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 3 orang pelajar (0.7%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.94. Bagi item 8 pula, sebanyak 385 orang pelajar (92.1%) memilih skala setuju dan sebanyak 32 orang pelajar (7.7%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.92. Bagi item 9, sebanyak 416 orang pelajar (99.5%) memilih skala setuju dan sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99. Akhir sekali, bagi item 10, sebanyak 413 orang pelajar (98.8%) memilih skala setuju dan sebanyak 4 orang pelajar (1.0%) memilih skala tidak pasti, manakala sebanyak 1 orang pelajar (0.2%) memilih skala tidak setuju dengan nilai skor min 2.99.

Analisis bagi bahagian ini adalah tinggi, di mana majoriti memberikan jawapan bersetuju bahawa perlu kesan penghayatan yang baik keseluruhannya hasil dari adab kesopanan ini dikalangan pelajar, supaya dapat memberikan kesan yang baik kepada imej mereka sebagai seorang yang terpelajar.

Perbincangan Dapatan

Secara keseluruhannya, para pelajar yang menjadi nadi kepada pembangunan negara masa akan datang perlu diberikan panduan dan bimbingan yang sepenuhnya dari aspek nilai, sahsiah dan akhlak. Pada keseluruhnya hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan adab kesopanan pelajar yang tinggi memberikan impak positif terhadap pelajar perihal pentingnya kepada kualiti sebagai pelajar yang mampu menjadi pemimpin yang berkualiti pada masa akan datang. Adab kesopanan pelajar universiti masa kini harus menjadi keutamaan kepada para pelajar universiti kerana generasi masa kini terdedah dengan pengaruh kerosakan moral yang membimbangkan. Berdasarkan kepada ketiga-tiga dapatan tahap pengetahuan, tahap penghayatan dan impak penghayatan adab kesopanan pelajar Diploma UPSI berada pada tahap sederhana keseluruhannya. Sedikit sebanyak keadaan ini perlu diberikan perhatian utama oleh pihak Hal Ehwal Pelajar, kerana ia merupakan mutu atau cermin kualiti pelajar yang dihasilkan. Pada masa yang sama juga jumlah pelajar yang tinggal di bandar mendahului sebanyak 56.2 % berbanding dengan pelajar yang tinggal di luar bandar 29.2% dan sub-bandar 14.6%. Punca

kepada skor min sederhana kepada adab kesopanan ini. Keadaan ini ada juga benarnya, kerana kehidupan di bandar dilihat tidak begitu mementingkan kepada adab kesopanan dalam cara hidup mereka berbanding kepada mereka yang tinggal di luar bandar dan sub-bandar.

Ini merupakan simbolik kepada graduan universiti yang mana kita dapat melihat, begitu ramai graduan yang mempunyai keputusan *Cumulative Grade Point Average (CGPA)* yang tinggi, namun perkara ini harus selari dengan adab kesopanan sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi. Graduan universiti harus memahami bahawa adab ibarat bunga pada diri seseorang. Hal ini kerana, bunga sentiasa indah dipandang mata dan juga mampu menarik hati seseorang yang melihatnya. Dalam kehidupan sebagai seorang pelajar, mereka sentiasa terikat pada panduan dan juga peraturan supaya tidak melanggar had yang telah ditetapkan (Hasrizal Abdul Jamil, 2021). Kehalus dan juga kesantunan manakala kata berlawanan bagi adab ialah biadab. Adab kesopanan juga sering kali dikait rapat dengan kehidupan seseorang dan paling penting ialah bagaimana seseorang berinteraksi dengan manusia lain. Sebagai masyarakat Asia, adab itu sangatlah penting kerana ia dijadikan budaya yang membentuk peribadi seseorang. Semestinya ibu bapa sentiasa mengajar anak-anak tentang adab, akan tetapi zaman telah berubah mungkin cara didikan yang berbeza. Justeru itu, sebagai rakyat Malaysia kita perlu cakna akan hal ini dan tidak memandang remeh kerana ia mempunyai kaitan dengan masa depan dan identiti negara (Wahidah Pesol & Velan Kunjuraman, 2023). Biarpun tahap intelektual remaja kini semakin tinggi, akan tetapi tiada gunanya jika adab dan budi bahasa semakin rendah kerana kehidupan ini memerlukan intelektual dan adab berjalan seiring.

Cadangan Penambahbaikan

Peranan Universiti

Dalam konteks ini satu kaedah atau dalam menonjolkan adab kesopanan yang mulia dengan mewujudkan suasana yang memberangsang dan budaya yang positif. Peluang dan ruang pembelajaran yang signifikan membolehkan proses menggilap akhlak pelajar dilakukan oleh universiti. Seperti dengan membangunkan modul adab kesopanan yang perlu diikuti oleh setiap pelajar universiti. Setiap pelajar akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir, keyakinan kendiri bagi membentuk akhlak kepada mahasiswa yang tinggi adab kesopanannya. Kurikulum juga perlu disusun selari dengan revolusi 4.0 dan mempunyai pendekatan yang di dalamnya terdapat unsur adab kesopanan dan nilai akhlak sebagai mauduk utama bagi menjamin peribadi dan sahsiah yang baik kepada mahasiswa.

Peranan Pensyarah

Menampilkan *role model* kepada pelajar dalam membentuk adab kesopanan yang boleh diontohi oleh mereka. Melalui personaliti unggul terletak keupayaan, kehebatan dan kemampuan mereka dalam menjana keunggulan akhlak mahasiswa. Setiap semester, mahasiswa dan pensyarah diperlukan untuk mengadakan sesi penasihatuan akademik sekurang-kurang tiga kali iaitu di awal, pertengahan dan akhir semester. Melalui sesi penasihatuan akademik ini pensyarah diminta untuk menasihati mahasiswa supaya menguruskan akademik dengan baik supaya terus kekal cemerlang dan mempamerkan akhlak yang baik, tidak terjerumus kepada perkara yang tidak bermoral serta meningkatkan kemahiran insaniah atau *soft skill* (Wahidah Pesol & Velan Kunjuraman, 2023).

Peranan Mahasiswa

Dalam konteks ini mahasiswa perlu peka dan bersedia dalam menilai aspek adab kesopanan yang perlu mereka fahami dan ikuti dan meninggalkan pengaruh yang boleh buruk dan boleh menjelaskan adab kesopanan mereka. Pengetahuan dan pendefinisan tentang adab kesopanan ini adalah sangat penting diketahui oleh pelajar agar mereka tetap terpelihara dengan nilai kesantunan. Selaku wakil generasi muda adab kesopanan perlu diwarisi agar terus terpelihara. Hal ini demikian kerana golongan pelajar merupakan pewaris masa hadapan yang bertemu norma baharu pada masa kini dengan pendedahan kepada dunia teknologi pesat yang menuntut amalan kehidupan sehari-hari.

Kesimpulan

Sebagai masyarakat Asia, adab kesopanan itu sangatlah penting kerana ia dijadikan budaya yang membentuk peribadi seseorang pelajar yang berkualiti. Kita tidak perlu berasa malu dengan budaya yang kita ada, kerana budaya dan kesopanan itu, penting dalam setiap pergerakan, komunikasi dengan dunia luar yang akan melihatnya sebagai satu perkara yang baik dan menilai masyarakat kita sebagai masyarakat tinggi nilai budayanya. sebagai rakyat Malaysia kita perlu cakna akan hal ini dan tidak memandang remeh kerana ia mempunyai kaitan dengan masa depan dan identiti negara.

Penghargaan

Penulis dan rakan-rakan ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang menganugerahkan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

Rujukan

- Ariffin, H. (2019, Julai 2023 18). *Bahasa Kurang Sopan Ubah Cara Komunikasi Remaja Masa Kini*. Retrieved from Sinar Harian: file:///C:/Users/N30/Downloads/nataniel,+6_KESANTUNAN_MANU+31+(2)_2020 %20(2).pdf
- Bakar, O. (1997). *Pembinaan Semula Tamadun Islam: Strategi Ke Arah Mengembalikan Kegemilangan* Bakar (1997), *Pembinaan Semula Tamadun Islam: Strategi Ke Arah Mengembalikan Kegemilangan*. Shah Alam: ITM.
- Embong, A. R. (2002). *Faktor ideologi politik dan budaya dalam penutupan minda Melayu Islam*. Himpunan kertas kerja isu dan proses pembukaan minda umat Melayu Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, H. (2020, Julai 19). *Enam adab prasyarat belajar dalam talian*. Retrieved from Berita Harian: <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/20477>
- Hasrizal Abdul Jamil. (2021). *Erti Beragama yang Hilang*. Kuala Lumpur: Iman Publication.
- Huda, S. S. (2021). Adab Menuntut Ilmu: Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Norma Baharu. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference 6th April*, 1-12.
- Masuwai, A. (2018). Elemen Nilai-Nilai Murni, Sikap dan Tingkahlaku Dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Khas Untuk Pelajar dan Pendidik Guru. Coresponding Author, Universiti Pendidikan Sultan Idris. *The Malaysian Journal of Islamic sciences*. Vol 24 Ogos 2018 ISSN 1675-5936 e-ISSN: 2289-4799, 14-53.
- Nasir, J. A. (2018). Sikap dan Tingkah Laku Gen Y Terhadap Amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’. Institut For Youth Research Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*.

- Nor Fadilah Dawi & Asiah Abas. (2020). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. *Manu Bil. 31* (2), 133-125.
- Noraeyn, E., & Ilhaamie, A. (2021). *Integriti Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Ipta: Satu Tinjauan Awal*. *Online Journal Of Islamic Management And Finance*, Vol 1, No. 2 (2021), 17-31, 17-31.
- Norharah , A., & Faridah, M. (2021). Penghayatan Adab Kesopanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Masa Kini Di Daerah Zon Kajang. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 173-183.
- Normadiana, M. H., Norizah, O., Mohammad Mokhtar, S., & Mohd Mawardi, M. K. (2021). Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Gading (Online) Journal for Social Sciences*, 38-46.
- Sharif, Z., & Norazmah, M. R. (2011). PEMBENTUKAN AKHLAK DAN SAHSIAH PELAJAR MELALUI PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM. *Journal of Social Science*, 75-89.
- Tannis, P., & Brickey, S. (1991). Creating Precious Children And Glorified Mothers: A Theoretical Assessment Of The Transformation Of Childhood. *Dimensions of Childhood*, 29, 630., 29.
- Wahidah Pesol & Velan Kunjuraman. (2023, 6 20). *Mana Perginya Adab Generasi Muda?* Retrieved from Berita UKM: <https://www.ukm.my/beritaukm/manaperginya-adab-generasi-muda/>